

Date	11 October 2014
Publication	Yahoo Malaysia
Headline	Budget 2015 Letak Malaysia Pada Kedudukan Stabil, Kata George
Link	BAJET 2015 LETAK MALAYSIA PADA KEDUDUKAN STABIL, KATA GEORGE KENT



BAJET 2015 LETAK MALAYSIA PADA KEDUDUKAN STABIL, KATA GEORGE KENT



Bernama Media – Sat, Oct 11, 2014



Share



Tweet 0



Share



g+1

0

LATEST NEWS »

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- George Kent Malaysia Bhd menyambut baik

Bajet 2015 yang memperuntukkan RM48.5 bilion bagi projek pembangunan dan

infrastruktur yang akan meletakkan Malaysia pada kedudukan stabil untuk

berkembang dalam ekonomi global.

Pengarah Eksekutifnya Bernie Ooi berkata ia bukan sahaja akan membawa kepada

hasil yang diinginkan bagi peningkatan ekonomi dan sosial rakyat, tetapi juga

memacu usaha pembangunan dan kepelbagaian melalui projek teknologi kritikal

More dalam sektor penjagaan kesihatan, infrastruktur air dan pengangkutan.

Beliau turut mengalu-alukan pembentukan Pelan Tindakan Air Kebangsaan bagi memastikan kelangsungan bekalan air di seluruh negara untuk jangka panjang, termasuk pengurusan menyeluruh sungai, pembinaan dan menaik taraf loji rawatan air.

"Sejak awal 2014, kawasan tertentu telah menjadi mangsa berikutan sumber air yang rendah dan perubahan cuaca.

"Usaha kerajaan untuk mempelbagaikan sumber bekalan air melalui penerokaan air bawah tanah dan penggunaan semula air terawat bagi industri dan pertanian, serta meluaskan penggunaan sistem penahan air ribut, akan membantu mengurangkan masalah tersebut," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ooi berkata syarikat akan terus mengambil bahagian dalam tender untuk mewujudkan lebih banyak projek bekalan air dan loji rawatan air bagi memenuhi permintaan dan memastikan rakyat mendapat air yang mencukupi bagi tahun-tahun akan datang.

-- BERNAMA

NR NR WGM NJ

10/11/2014 15-50ST